



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 22

25hb Oktober 2007

TAMBAHAN
No. 1

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948
(Act 92)

No. 3038.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual menjadi Majistret Kelas Dua di dan bagi Daerah yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to be Second Class Magistrates in and for the District specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Post	(3) Tarikh/Date
Imran bin Jamalul-lail	Majistret Kelas Dua Daerah Klang <i>Second Class Magistrate District of Klang</i>	16-11-2006
Suliman bin Abd Rahman	Majistret Kelas Dua Daerah Klang <i>Second Class Magistrate District of Klang</i>	16-5-2007

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Post	(3) Tarikh/Date
Siful Bahari bin Ruslan	Majistret Kelas Dua Daerah Kuala Selangor <i>Second Class Magistrate District of Kuala Selangor</i>	16-7-2007

Bertarikh 24 September 2007

Dated 24 September 2007

[PTGS/BDP 06/01, 05/2005; P.U. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
*Menteri Besar Selangor/
Menteri Besar of Selangor*

AKTA HARI KELEPASAN 1951

HOLIDAYS ACT 1951

No. 3039.

HARI KELEPASAN AM DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2008

PUBLIC HOLIDAYS IN THE STATE OF SELANGOR FOR THE YEAR 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor menetapkan hari yang dinyatakan dalam Jadual menjadi Hari Kelepasan Am Negeri bagi tahun 2008.

2. Jika mana-mana Hari Kelepasan Am Negeri jatuh pada hari kelepasan mingguan maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am, dan jika hari sedemikian adalah sememangnya hari kelepasan am maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am, kecuali Cuti Am yang jatuh pada hari Sabtu.

JADUAL

(i) Tahun Baru 2008	1 Januari (Selasa)
(ii) Hari Thaipusam	23 Januari (Rabu)
(iii) *Hari Nuzul Al-Quran	17 September (Rabu)
(iv) Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	11 Disember (Khamis)

*Tertakluk kepada perubahan

Bertarikh 26 September 2007

[SUK. Sel. (S) 20392 Jld. 12]

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
*Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor*

In exercise of the powers conferred by subsection 9(1) of the Holidays Act 1951 [*Act 369*], the State Authority of Selangor appoints the days specified in the Schedule to be State Public Holidays for the year 2008.

2. If any State Public Holiday falls on a weekly holiday then the day following shall be a public holiday, and if such day is already a public holiday then the day following shall be a public holiday, except Public Holiday that falls on a Saturday.

SCHEDULE

(i) New Year 2008	1 January (Tuesday)
(ii) Thaipusam	23 January (Wednesday)
(iii) *Nuzul Al-Quran	17 September (Wednesday)
(iv) Birthday of His Royal Highness The Sultan of Selangor	11 December (Thursday)

*Subject to change

Dated 26 September 2007
[SUK. Sel. (S) 20392 Jld. 12]

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
*Clerk of the State Executive Council
Selangor*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 3040.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to hold the posts specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Post	(3) Tarikh/Date
Imran bin Jamalul-lail	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Klang <i>Assistant Land Administrator District of Klang</i>	16-11-2006
Suliman bin Abd Rahman	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Klang <i>Assistant Land Administrator District of Klang</i>	16-5-2007
Che Ku Zakhirah binti Che Ku Abdullah	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Klang <i>Assistant Land Administrator District of Klang</i>	10-6-2007
Mazlan bin Isnin @ Abd Rahman	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Selangor</i>	18-6-2007
Faridah binti Jantan	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	1-7-2007
Sulaiman bin Kamari	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	2-7-2007
Nor Hisham bin Ahmad Dahlan	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Selangor</i>	3-7-2007
Saiful Bahari bin Ruslan	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Selangor</i>	16-7-2007
Siti Norazlinda binti Mohamed Norsaidi	Timbalan Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	16-7-2007
Azlieza Yasmien binti Rahmat	Timbalan Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	16-7-2007
Fizatul Hana binti Badrul Hashim	Timbalan Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	16-7-2007
Siti Salmah binti Drahim @ Abd Rahim	Timbalan Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	16-7-2007

(1) Nama/ <i>Name</i>	(2) Jawatan/ <i>Post</i>	(3) Tarikh/ <i>Date</i>
Siti Hajar binti Hamzah	Timbalan Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	16-7-2007
Nurul Fariyah binti Sarmin Panut	Timbalan Pendaftar Hak Milik Negeri Selangor <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	16-7-2007
Rahmah binti Haron	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Selangor</i>	1-8-2007
Shahriman bin Zainul Abidin	Penolong Pegawai Tanah dan atau Pegawai Penempatan Daerah Hulu Langat <i>Assistant Land Officer and or Settlement Officer District of Hulu Langat</i>	20-8-2007

Bertarikh 14 September 2007

Dated 14 September 2007

[PTGS/BDP 06/01, 04, 05, 07, 08, 10/2005;

PU. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' RAMLI BIN MAHMUD
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3041.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS-NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICES OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION
OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 587 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 21 Jun 1990, Menteri Besar Selangor, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 744 yang disimpan di pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud tapak masjid di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, dengan ini memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada pukul 10.00 pagi pada 27 November 2007.

JADUAL

Daerah—Klang. Pekan—Meru. No. Pelan—744. No. Lot—Seperti yang bertanda di dalam plan. Luas—0.22 hektar. Luas untuk dibatalkan rizab—0.22 hektar.

Bertarikh 21 September 2007
[P.T.K. 10A/43/03; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

Whereas, by Notification No. 587 published in the *Gazette* of the State of Selangor on 21 June 1990, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 744 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for mosque to be controlled by the Director of Department of Islamic Religion of Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as

described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan at 10.00 a.m. on 27 November 2007.

SCHEDULE

District—Klang. Village—Meru. Plan No.—744. Lot No.—As marked in the plan. Area—0.22 hectare. Area to be revoke—0.22 hectare.

Dated 21 September 2007

[P.T.K. 10A/43/03; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar
Selangor*

No. 3042.

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 3737 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 24 Jun 1926, Residen Selangor, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 15,886 yang disimpan di pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud kuari di bawah kawalan Jurutera Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada pukul 10.00 pagi pada 4 Disember 2007.

JADUAL

Daerah—Klang. Mukim—Kapar. No. Pelan—15,886. No. Lot—3970. Luas—17 ekar 3 rud 7 perches. Luas untuk dibatalkan rizab—17 ekar 3 rud 7 perches.

Bertarikh 2 Oktober 2007

[P.T.K. 10A/30/2003; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar
Selangor*

Whereas, by Notification No. 3737 published in the *Gazette* of the State of Selangor on 24 June 1926, the Resident of Selangor, in exercise of the powers conferred under section 9 of the Land Enactment 1911, had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 15,886 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of a quarry to be controlled by the State Engineer of Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan at 10.00 a.m. on 4 December 2007.

SCHEDULE

District—Klang. Mukim—Kapar. Plan No.—15,886. Lot No.—3970. Area—17 acres 3 roods 7 perches. Area to be revoke—17 acres 3 roods 7 perches.

Dated 2 October 2007

[P.T.K. 10A/30/2003; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar
Selangor*

No. 3043.

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 4712 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 4 Julai 1930, Residen Selangor pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 16271 yang disimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud tapak rekreasi awam yang dikawal oleh Pemungut Hasil Tanah Kuala Lumpur:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 1072 pada 26 April 2007 dan bahawasanya siasatan pada hari tersebut tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab masalah teknikal dengan demikian notis tersebut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada jam 10.00 pagi pada 28 November 2007.

JADUAL

Daerah—Kuala Lumpur. Mukim—Batu. No. Pelan—16271. No. Lot—4227. Luas—329 ekar 3 rud. Luas untuk dibatalkan rizab—12.051 hektar (29.78 ekar).

Bertarikh 30 September 2007
[PTG. 9/1/30/2003; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

Whereas, by Notification No. 4712 published in the *Gazette* of the State of Selangor on 4 July 1930, the Resident of Selangor, in exercise of the powers conferred under section 24(i), Land Code 1926, had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 16271 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for public recreation to be controlled by the Collector of Land Revenue, Kuala Lumpur:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Lands and Mines of Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N. No. 1072 on 26 April 2007, and that the enquiry could not be held on that day due to technical problems, therefore the notice was cancelled:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan at 10.00 a.m. on 28 November 2007.

SCHEDULE

District—Kuala Lumpur. Mukim—Batu. Plan No.—16271. Lot No.—4227. Area—329 acres 3 roods. Area to be revoke—12.051 hectares (29.78 acres).

Dated 30 September 2007

[PTG. 9/1/30/2003; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

No. 3044.

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 154 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 14 Januari 1921, Residen Selangor pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 13729 yang disimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud kuari di bawah kawalan Jurutera Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 1073 pada 26 April 2007 dan bahawasanya siasatan pada hari tersebut tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab masalah teknikal dengan demikian notis tersebut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada jam 10.00 pagi pada 5 Disember 2007.

JADUAL

Daerah—Kuala Lumpur. Mukim—Sungei Buloh. No. Pelan—13729. No. Lot—272. Luas—7 ekar 1 rud 5 pul. Luas untuk dibatalkan rizab—2.946 hektar (7.281 ekar).

Bertarikh 2 Oktober 2007

[PTD. P. 2/SGB 79/93 SK 1; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar
Selangor*

Whereas, by Notification No. 154 published in the *Gazette* of the State of Selangor on 14 January 1921, the Resident of Selangor, in exercise of the powers conferred under section 9 of the Land Enactment 1911, had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 13729 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of quarry to be controlled by the State Engineer of Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Lands and Mines of Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N. No. 1073 on 26 April 2007, and that the enquiry could not be held on that day due to technical problems, therefore the notice was cancelled:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan at 10.00 a.m. on 5 December 2007.

SCHEDULE

District—Kuala Lumpur. Mukim—Sungei Buloh. Plan No.—13729. Lot No.—272. Area—7 acres 1 roods 5 poles. Area to be revoke—2.946 hectares (7.281 acres).

Dated 2 October 2007

[PTD. P. 2/SGB 79/93 SK 1; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

No. 3045.

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 472 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 15 Ogos 1974, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 25794 yang disimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud tapak Rumah Ahli-ahli Bomba di bawah kawalan Pengarah Bomba Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 1071 pada 26 April 2007 dan bahawasanya siasatan pada hari tersebut tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab masalah teknikal dengan demikian notis tersebut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada jam 10.00 pagi pada 6 Disember 2007.

JADUAL

Daerah—Kuala Langat. Bandar—Banting. No. Pelan—25794. No. Lot—216 Seksyen 1. Luas—73,051 kaki persegi. Luas untuk dibatalkan rizab—73,051 kaki persegi.

Bertarikh 2 Oktober 2007

[PTK. Lgt. 1/11 TD 2007; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

Whereas, by Notification No. 472 published in the *Gazette* of the State of Selangor on 15 August 1974, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 25794 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for Fire Brigade Quarters to be controlled by the Director of Fire Brigade Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Lands and Mines of Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N. No. 1071 on 26 April 2007, and that the enquiry could not be held on that day due to technical problems, therefore the notice was cancelled:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan at 10.00 a.m. on 6 December 2007.

SCHEDULE

District—Kuala Langat. Town—Banting. Plan No.—25794. Lot No.—216 Section 1. Area—73,051 square feet. Area to be revoke—73,051 square feet.

Dated 2 October 2007

[PTK.Lgt. 1/11 TD 2007; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 12]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

No. 3046.

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Rahini a/p Subrayan (KP. 630815-10-6786) & Sandira Sehgaran a/l Letchumanan (KP. 581030-05-5319), yang beralamat 32 Jalan Selasih 17, Taman Selasih, 68100 Batu Caves, Selangor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya. Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa bertarikh 13 November 2007 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu. No. Lot/P.T.—26896. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 17213. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3317/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 Oktober 2007
[PTDG. 15/144/07(01)]

NORDIN BIN ABDULLAH
*b.p. Pentadbir Tanah
Gombak*

No. 3047.

Kepada Dzulfikar Shah bin Ramly (KP. 690517-10-5907), yang beralamat 946 Jalan E 4/5, Taman Ehsan Kepong, 52100 Kuala Lumpur, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya. Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut. Suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa bertarikh 13 November 2007 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu. No. Lot/P.T.—4178. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5897. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—Perserahan 584/1997, Jilid 165, Folio 48. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 Oktober 2007
[PTDG. 15/146/07(01)]

NORDIN BIN ABDULLAH
*b.p. Pentadbir Tanah
Gombak*

No. 3048.

